



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Bank Negara Malaysia (BNM) **menafikan** berita palsu yang mendakwa bahawa Gabenor BNM telah mengumumkan peluang pelaburan yang tinggi melalui platform dagangan bitcoin yang dikenali sebagai Bitcoin Pro. BNM **menasihati** orang ramai agar berwaspada dengan berita-berita palsu yang melibatkan pelaburan bitcoin.
2. Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang **menafikan** dakwaan bahawa semua ikan yang dijual di Pulau Pinang mengandungi racun. Beliau **menjelaskan** bahawa ikan mati yang hanyut adalah ikan yang telah busuk di dalam sangkar berikutan ledakan 'Algae Bloom' yang menyebabkan ikan kekurangan oksigen dan mati . Beliau **menegaskan** tiada isu ikan di laut dicemari racun.

